

SULIT



011

MAJLIS GURU BESAR NEGERI MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN ENAM 2012

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

Julai

50 minit

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
- 2 *Jawab **semua** soalan.*
- 3 *Tiap-tiap soalan diikuti **empat** pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
- 4 *Jika kamu hendak menukar jawapan, **padamkan** tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baharu.*

Kertas ini soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

011

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1 - 21

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pasukan badminton negara sedang giat berlatih. _____ sungguh bersemangat untuk mengharumkan nama negara.
 - A Dia
 - B Kita
 - C Beliau
 - D Mereka

- 2 "Patik akan melaksanakan segala titah _____ dengan segera," kata Hang Nadim kepada Sultan Mansur Syah.
 - A beta
 - B tuanku
 - C baginda
 - D tuan hamba

- 3 Seorang anggota polis telah melepaskan beberapa _____ tembakan ke arah penjenayah yang amat dikehendaki polis.
 - A das
 - B butir
 - C laras
 - D pucuk

- 4 Yani _____ menyertai kejohanan tersebut jika diberitahu tentang hadiah lumayan yang bakal diperolehi.
 - A harus dapat
 - B mesti telah
 - C mesti mahu
 - D harus sudah

- 5 Abang Lokman yang bergiat _____ dalam bidang lakonan telah menjadi terkenal.
- A cergas
 - B cerdas
 - C hebat
 - D lincah
- 6 Budaya membaca patut dipupuk _____ kalangan murid sejak dari bangku sekolah lagi.
- A di
 - B pada
 - C dalam
 - D dari
- 7 “_____ belikan saya sekilo gula dan sepuluh biji telur,” kata Aidah kepada Farid.
- A Sila
 - B Harap
 - C Tolong
 - D Mohon
- 8 Halimah akan menjaga keluarganya _____ hayat dikandung badan.
- A walau
 - B selagi
 - C hingga
 - D kecuali
- 9 Adnan merupakan seorang pelajar yang pintar. _____, dia telah terpilih menyandang jawatan sebagai ketua pengawas sekolah.
- A Lantaran itu
 - B Sementara itu
 - C Namun begitu
 - D Jika begitu

10 _____ itu melayan pesakit-pesakit dengan senyuman yang manis.

- A Juruacara
- B Jururawat
- C Jurucakap
- D Jurufoto

Pilih ayat yang betul.

- 11
- A Perutusan yang baru sahaja dibaca oleh Guru Besar tadi adalah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.
 - B Adalah dimaklumkan bahawa kerja gotong-royong akan dimulakan pada minggu hadapan.
 - C Keputusan hukuman penjara ke atas pesalah trafik itu ialah tidak adil.
 - D Siswazah yang baru lulus ialah bukan pengetua sekolah kami.

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



- 12 Encik Amri _____ anaknya koleksi buku cerita sempena kejayaannya mendapat tempat pertama dalam peperiksaan akhir tahun.
- A dihadiahi
 - B dihadiahkan
 - C menghadiahi
 - D menghadiahkan

- 13 Perajurit negara sanggup berkorban nyawa demi _____ negara tercinta.
- A ketahanan
 - B mempertahankan
 - C mempertahankan
 - D dipertahankan

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.



- 14 Puan Salmah meletakkan _____ nya di atas meja itu.
- A mesin taip
 - B alat perakam
 - C komputer riba
 - D mesin pencetak
- 15 Bot _____ dari Pulau Besar ke jeti Umbai untuk membawa penumpang setiap hari.
- A mundar-mandir
 - B simpang-siur
 - C lalu-lalang
 - D bolak-balik
- 16 Walaupun Aliya baru berumur tiga tahun namun dia sudah pandai membaca kerana dia _____.
- A banyak akal
 - B besar akal
 - C tajam akal
 - D masuk akal

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah.



- 17 Pilih peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.
- A Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.
 - B Genggam bara api biar sampai jadi arang.
 - C Kalau hendak melentur buluh biar dari rebungunya.
 - D Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.
- 18 Keadaan di pasar itu sungguh sesak pada waktu awal pagi.
Pilih **perkataan** berlawanan bagi sesak.
- A senyap
 - B kosong
 - C tenang
 - D lengang
- 19 Membaca buku banyak memberi faedah kepada murid-murid.
Pilih **perkataan** seerti bagi faedah.
- A baik
 - B bagus
 - C untung
 - D manfaat

- 20 Majalah hiburan keluaran khas itu berharga sepuluh ringgit se_____ setelah diberi potongan harga sebanyak sepuluh peratus.
- A helai
 - B keping
 - C naskhah
 - D lembar

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

- 21 Mengapakah banjir sering berlaku di kampung saudara?
- A Banjir memang selalu berlaku di kampung saya.
 - B Saya tidak tahu yang kampung ini sering dilanda banjir.
 - C Apabila banjir berlaku menyebabkan pelbagai wabak penyakit.
 - D Banjir selalu berlaku kerana sistem perparitan di tempat saya tidak baik.

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

- 22 Kaca dan plastik ialah barangan yang dapat dikitar semula.
- A Apakah barangan yang dapat dikitar semula?
 - B Benarkah kaca dan plastik dapat dikitar semula?
 - C Mengapakah kaca dan plastik perlu dikitar semula?
 - D Bagaimanakah cara untuk mengitar semula kaca dan plastik?

Soalan 23 dan 24

Pilih ayat yang sama maksud dengan yang diberikan.

- 23 Murid sekolah perlu mematuhi peraturan lalu lintas demi menjamin keselamatan diri.
- A Bagi memastikan keselamatan diri tejamin peraturan lalu lintas mesti dipatuhi oleh murid sekolah
 - B Murid boleh menjamin keselamatan lalu lintas dengan mematuhi peraturan sekolah.
 - C Keselamatan diri murid sekolah bergantung kepada peraturan lalu lintas.
 - D Peraturan lalu lintas boleh menjamin keselamatan diri murid sekolah.

- 24 “Esok saya akan menduduki peperiksaan akhir tahun,” kata Ain kepada Faris.
- A Ain memberitahu Faris bahawa saya akan menduduki peperiksaan akhir tahun esok.
 - B Faris memberitahu Ain bahawa esok dia akan menduduki peperiksaan akhir tahun.
 - C Ain memberitahu Faris bahawa dia akan menduduki peperiksaan akhir tahun esok.
 - D Faris memberitahu Ain bahawa mereka akan menduduki peperiksaan akhir tahun esok.

Pilih ayat yang betul.

- 25
- A Kapal dagang itu sedang belayar di tengah lautan.
 - B Ibu telah memasukkan sebuku garam ke dalam masakannya.
 - C Ayah bercadang memperbesarkan ruang tamu rumah kami pada tahun ini.
 - D Majlis itu akan berlangsung daripada pukul 8.30 malam hingga pukul 11.30 malam.

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 26
- I Puan Fadilah menghulurkan semangkuk bubur kepada Anum.
 - II Di waktu malam, Haji Kadir sering menemani cucunya mengulang kaji pelajaran.
 - III Demi untuk menyara keluarganya, Arif sanggup bekerja keras mencari rezeki.
 - IV Pengawal keselamatan bertindak pantas merampas senapang daripada penjahat itu.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

- 27 I Abas minum segelas oren jus di dapur.
II Saleh membeli goreng pisang itu di gerai.
III Rosli mendapatkan rawatan di Klinik Suria.
IV Kakak memakai telekung mini berwarna biru.
A I dan II sahaja
B I dan IV sahaja
C II dan III sahaja
D III dan IV sahaja
- 28 I Kedua-dua anak Encik Maniam berada di luar negara.
II Semua buku teks itu perlu kita balut supaya tidak rosak.
III Barisan pemain-pemain bola sepak negara sedang giat berlatih.
IV Di antara penulis kegemarannya ialah Norhayati Berahim dan Fauziah Ashari
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 29 dan 30

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 29 I Zamri berasa segar setelah selesai beriadah.
II Tingkah laku Mastura sangat segar dipandang.
III Gelak ketawa Mazni masih segar dalam ingatan saya.
IV Sayur sawi itu masih segar kerana baru sahaja dipetik dari kebun.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, III dan IV sahaja

- 30 I Daun-daun kering itu luntur kerana *ditiup angin*.
II Perasaan kasih kepada anaknya tidak pernah luntur.
III Warna baju batiknya luntur setelah dibasuh berulang kali.
IV Luntur hati ibu Amin menerima berita yang tidak disangka-sangka itu.
- A I dan II
B II dan III
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Soalan 31-35

Baca dan fahami cerita di bawah ini.

Hari pertama cuti persekolahan akhir tahun, kami sekeluarga sibuk membuat persiapan seperti menyiapkan pakaian dan barang-barang keperluan yang lain. Esok kami akan bertolak ke Pulau Langkawi.

19 November 2011

Aku sekeluarga bertolak ke Ipoh terlebih dahulu. Kami bermalam di rumah Pak Long. Selepas makan tengah hari kami meneruskan perjalanan. Kami singgah di Pulau Pinang dan bermalam di sebuah hotel. Kami menjamu selera nasi kandar yang memang terkenal di negeri itu. Ibu juga membeli jeruk buah pala, buah salak dan buah mangga yang dijual dengan harga yang berpatutan.

20 November 2011

Kami sampai di jeti Kuala Perlis. Kami menaiki feri ke Pulau Langkawi. Sungguh indah pemandangan di pulau itu. Aku berasa sungguh seronok kerana itu pengalaman pertamaku menaiki feri. Kami menginap di sebuah hotel yang berhampiran dengan Pekan Kuah yang menjadi pusat para pelancong membeli-belah.

21 November 2011

Pagi-pagi lagi kami sudah bersiap untuk melawat tempat-tempat menarik seperti Makam Mahsuri, kilang membuat minyak gamat, Telaga Tujuh, Kampung Beras Terbakar dan banyak lagi. Kami pergi membeli-belah. Barang-barang seperti kain batik, coklat, pinggan rangkuk dijual dengan harga yang murah. Itulah yang paling seronok membeli-belah. Ibu banyak membeli coklat sebagai buah tangan. Keesokan harinya kami berkelah di Pantai Cenang.

23 November 2011

Kami pulang ke Melaka. Aku bagaikan tidak mahu meninggalkan pulau legenda itu. Percutian keluarga aku kali ini amat menyeronokkan. Inilah pengalaman manis yang tidak dapat aku lupakan.

- 31 Bilakah cuti persekolahan penulis bermula?
- A 18 November 2011
 - B 19 November 2011
 - C 20 November 2011
 - D 21 November 2011
- 32 Di manakah Pak Long penulis tinggal?
- A Ipoh
 - B Melaka
 - C Pulau Pinang
 - D Pulau Langkawi
- 33 Apakah aktiviti yang dilakukan oleh penulis dan keluarganya pada hari ketiga berada di Pulau Langkawi?
- A Membeli- belah
 - B Melawat tempat menarik
 - C Berkelah di Pantai Cenang
 - D Bertolak pulang ke Melaka
- 34 Berapa buah tempat persinggahan yang dikunjungi oleh penulis sebelum ke Pulau Langkawi?
- A Satu
 - B Dua
 - C Tiga
 - D Empat
- 35 Pernyataan berikut adalah **tidak benar** tentang percutian penulis **kecuali**
- A penulis bermalam di Ipoh dan Pulau Pinang sebelum ke Pulau Langkawi.
 - B ibu penulis banyak membeli kain batik dan pinggan mangkuk.
 - C penulis dan keluarganya menaiki kereta ke Pulau Langkawi.
 - D penulis berada selama lima hari di Pulau Langkawi.

Soalan 36 - 40

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KRUBONG, 21 Julai — Rumah Merah telah muncul johan keseluruhan dalam Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Seri Melati. Kejohanan yang julung kali diadakan itu dilangsungkan di padang sekolah berkenaan kira-kira 10km dari sini pagi semalam. Encik Shaari bin Salman, guru besar sekolah itu telah sudi merasmikan kejohanan berkenaan.

Dalam ucapan perasmianya itu, beliau telah menyatakan bahawa tujuan utama kejohanan itu diadakan adalah untuk memberi peluang kepada semua murid menunjukkan bakat mereka dalam bidang sukan. Selain itu, pihak sekolah juga berpeluang memilih wakil sekolah ke kejohanan sukan peringkat daerah.

Turut memeriahkan kejohanan sukan kali ini ialah Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan, Encik Ghazali bin Harun, ibu bapa, dan bekas murid. Kejohanan disertai oleh Rumah Hijau, Rumah Kuning, Rumah Merah, dan Rumah Biru.

Pelbagai acara diadakan sepanjang sukan ini. Antara yang menjadi tumpuan ialah acara pecut 100 meter. Adik Danish bin Zain yang disebut-sebut bakal mengungguli acara berkenaan. Walau bagaimanapun, dia gagal kerana mengalami kekejangan otot dan peluang ini digunakan sepenuhnya oleh peserta dari Rumah Hijau iaitu adik Hasan bin Basri yang turut mencipta rekod baharu. Tempat kedua dimenangi oleh adik Ramesh manakala adik Aiven Tay berada di tempat ketiga.

Pada akhir kejohanan itu, Rumah Hijau telah diisytiharkan menduduki tempat kedua manakala tempat ketiga diraih oleh Rumah Biru. Guru Besar telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

- 36 Siapakah yang merasmikan kejohanan *sukan ini*?
- A Encik Ghazali bin Harun.
 - B Encik Shaari bin Salman.
 - C Bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Seri Melati.
 - D Yang Dipertua PIBG Sekolah Kebangsaan Seri Melati.
- 37 Rumah manakah menjadi naib johan dalam kejohanan sukan tersebut?
- A Rumah Hijau
 - B Rumah Kuning
 - C Rumah Merah
 - D Rumah Biru
- 38 Kejohanan sukan ini merupakan yang _____ kali diadakan.
- A pertama
 - B kedua
 - C keempat
 - D terakhir
- 39 Siapakah yang memenangi tempat pertama acara 100 meter?
- A Danish bin Zain
 - B Hasan bin Basri
 - C Ramesh
 - D Aiven Tay
- 40 Pernyataan di bawah adalah benar **kecuali**
- A Acara lari pecut 100 meter ialah acara yang mendapat perhatian.
 - B Peserta Rumah Hijau telah mencipta rekod baru dalam acara 100 meter.
 - C Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Seri Melati telah berlangsung pada 21 Julai.
 - D Rumah Merah merupakan juara dalam Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Seri Melati.

KERTAS SOALAN TAMAT

NO. KAD PENGENALAN/ NO. SIJIL KELAHIRAN																				
--------------------------------------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN																				
---------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MAJLIS GURU BESAR NEGERI MELAKA



PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN ENAM 2012

BAHASA MELAYU – PENULISAN
Julai

012

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak-petak yang disediakan.
- 2 Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B**, dan **Bahagian C**.
- 3 Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
- 4 Bagi **Bahagian B**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1**, **Soalan 2** atau **Soalan 3**.
- 5 Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan. Sekiranya helaian kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan kertas jawapan tambahan daripada pengawas peperiksaan. Kertas jawapan tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku soalan.

Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
Jumlah Markah		60

Kertas ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 15 minit]

[10 markah]

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti berdasarkan gambar di bawah.



Bahagian B

[Masa dicadangkan : 40 minit]

[30 markah]

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

- 1 Sekolah kamu telah menganjurkan Hari Kantin pada minggu yang lalu. Tulis catatan tentang Hari Kantin di sekolah kamu selengkapnya.

ATAU

- 2 Semua murid terlibat dengan aktiviti sukan di sekolah. Tuliskan sebuah karangan tentang faedah-faedah bersukan.

ATAU

3. Akhiri karangan kamu dengan ayat-ayat di bawah ini.

Aku bersyukur kerana usahaku selama ini telah membuahkan hasil. Tidak sia-sialah aku mendengar nasihat ibu dan bapakku.

Bahagian C

[Masa dicadangkan : 20 minit]

[20 markah]

Tulis beberapa nilai murni yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjang jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Tanggal 26 Mei 2012, cuti sekolah telah bermula. Ini adalah saat yang aku nanti-nantikan. Aku dan keluarga mengambil kesempatan ini untuk pulang ke kampung bagi menziarahi datuk dan nenek. Ayah dan ibu tidak lupa membawa buah tangan sebagai tanda ingatan terhadap datuk dan nenek. Sepanjang perjalanan, ayah memandu dengan cermat dan sentiasa mematuhi undang-undang di jalan raya.

Rumah datuk terletak berhampiran dengan sungai. Air sungai itu sangat dalam dan deras. Awal-awal lagi ibu sudah berpesan kepadaku supaya tidak mandi di sungai tersebut. Apabila melihat kanak-kanak sedang mandi-manda di sungai itu, aku pun teringin untuk menyertai mereka. Ibu dan ayah asyik berbual panjang sambil membantu datuk dan nenek membersihkan kebun mereka.. Lalu aku pun mengambil peluang ini untuk mandi di sungai tersebut tanpa pengetahuan ibu dan ayah.

Aku pergi bersama-sama dengan kawan-kawan yang baru aku kenali di kampung tersebut. Kawan-kawanku memang mahir berenang tetapi aku tidak pandai berenang. Sedang asyik bermandi-manda aku rasa tubuhku dihanyutkan oleh arus sungai yang deras. Aku hampir kelemasan. Lantas aku menjerit meminta tolong. Nasib baik kawan-kawanku menyedarinya lantas menyelamatkanku. Peristiwa itu menginsafkan aku dan aku menyesal kerana inilah balasannya jika tidak mendengar nasihat ibu dan ayah. Walaupun begitu aku amat bertuah kerana terselamat.